

## Pandangan al-Nadwi Tentang Kepentingan *al-Sirah al-Nabawiyyah* dalam Pendidikan Kanak-Kanak

### (Al-Nadwi's View on the Importance of *al-Sirah al-Nabawiyyah* in Children's Education)

Mohd Shahrizal Nasir  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
mohdshahrizal@unisza.edu.my

Kamarul Shukri Mat Teh  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
kamarul@unisza.edu.my

#### Abstrak

Abu al-Hasan ‘Ali al-Nadwi (seterusnya al-Nadwi) merupakan seorang sarjana Islam yang terkenal ketika hayatnya pada era 90-an. Beliau terkenal dengan usaha menyelesaikan masalah yang dihadapi umat Islam. Antara pendekatan al-Nadwi ialah seruan agar umat Islam kembali menghayati sumber sejarah Islam khususnya *al-sirah al-nabawiyyah*. Usaha al-Nadwi menghasilkan karya tentang *al-sirah al-nabawiyyah* menyerlahkan pemikirannya agar *al-sirah al-nabawiyyah* dijadikan sebagai salah satu sumber ilmu yang penting. Al-Nadwi bukan sahaja menghasilkan karya *al-sirah al-nabawiyyah* untuk golongan dewasa tetapi turut menulis karya seumpamanya untuk kanak-kanak. Berdasarkan fakta tersebut, makalah ini akan merungkai pandangan al-Nadwi tentang kepentingan *al-sirah al-nabawiyyah* dalam proses pendidikan kanak-kanak. Makalah ini menganalisis pandangan al-Nadwi berkaitan *al-sirah al-nabawiyyah* dengan menggunakan kaedah analisis teks. Hasilnya, makalah ini mendapati bahawa pandangan al-Nadwi terhadap *al-sirah al-nabawiyyah* berpaksikan pendirian agar umat Islam memanfaatkan sumber ilmu berautoriti dalam Islam. Selain itu, kanak-kanak perlu dijauhkan daripada bahan-bahan yang mengandungi unsur khurafat. Kandungan bahan bacaan yang menampilkan para nabi sebagai suri teladan perlu diutamakan dalam usaha membentuk keperibadian mulia bagi kanak-kanak. Justeru, *al-sirah al-nabawiyyah* perlu didedahkan kepada golongan kanak-kanak kerana ia adalah satu keperluan penting untuk mendidik mereka dengan didikan Islam.

Article Progress  
Received: 04 March 2021  
Revised: 18 March 2021  
Accepted: 01 April 2021

**Kata kunci:** *al-Sirah al-Nabawiyyah*, al-Nadwi, Pendidikan Kanak-Kanak, Kisah Para Nabi, Sahsiah Islamiah

#### Abstract

Abu al-Hasan ‘Ali al-Nadwi (later al-Nadwi) was a famous Islamic scholar during his life in the 90s. He is known for his efforts to solve the problems faced by Muslims. Among al-Nadwi's approaches is the call for Muslims to reappreciate the sources of Islamic history, especially *al-sirah al-nabawiyyah* (biography of the prophet). Al-Nadwi's efforts to produce literary works on *al-sirah al-nabawiyyah* highlighted his thought that *al-sirah al-nabawiyyah* should be considered as one of the important sources of knowledge. Al-Nadwi was not only produced the work of *al-sirah al-nabawiyyah* for adults but also wrote several works on the similar theme for children. Based on these facts, this article will unravel al-Nadwi's views which highlights the importance of *al-sirah al-nabawiyyah* in the process of educating children. This article analyses al-Nadwi's views on *al-sirah al-nabawiyyah* through textual analysis method. As a result, this article discovers that al-Nadwi's views of *al-sirah al-nabawiyyah* is based on his stand that Muslims should utilize the source of authoritative knowledge in Islam. In addition, children should be kept away from reading materials that contain elements of superstitions. The content of reading material featuring the prophets as role models should be given priority in the effort to form a good personality for children. Therefore, *al-sirah al-nabawiyyah* needs to be exposed to children because it is an important requirement to educate them with Islamic education.

**Keywords:** Prophetic Biography, al-Nadwi, Islamic Thought, The Story of Prophets, Islamic Personality

## 1. PENGENALAN

Abu al-Hasan ‘Ali al-Nadwi (seterusnya al-Nadwi) merupakan seorang tokoh sarjana Islam kontemporari yang berasal dari India. Biografi kehidupan al-Nadwi telah banyak dicatatkan oleh para pengkaji antaranya Ahmad Fahmi (2000), al-Ghawri (2009), Mohammad Akram (2013), Syed Muhammad Rabey (2014), Zulkifli (2015) dan Mohd Rumaizuddin (2016). Al-Nadwi yang hidup antara tempoh tahun 1914 hingga 1999 telah banyak membicarakan isu-isu berkaitan maslahah umat Islam mencakupi pelbagai bidang termasuk agama, politik, pendidikan, ekonomi, perundangan, sosial, kesusasteraan dan sebagainya. Dalam konteks kesusasteraan, al-Nadwi turut berperanan besar dalam usaha memastikan bidang ini sentiasa berada dalam ruang lingkup yang ditetapkan oleh Islam. Ini membuktikan bahawa kesusasteraan adalah antara bidang yang perlu diberi perhatian sewajarnya oleh umat Islam. Dalam keadaan al-Nadwi perlu mengulas pelbagai isu berkaitan umat Islam, bidang kesusasteraan tetap diberi perhatian dengan pelbagai usaha telah dilakukannya bagi memastikan Islam tidak dipisahkan daripada kesusasteraan.

Keprihatinan al-Nadwi terhadap kesusasteraan jelas kelihatan apabila beliau merupakan antara tokoh yang terawal membangkitkan istilah “Sastera Islam” (*al-Adab al-Islami*) dalam dunia kesusasteraan moden. Menurut ‘Abd al-Quddus (1421H), al-Nadwi adalah antara individu awal yang menyeru para sarjana Islam agar membahaskan terminologi Sastera Islam. Pada tahun 1957, al-Nadwi telah menerbitkan sebuah makalah bertajuk “Al-Hajah ila Isti‘rad Jadid li Maktabat al-Adab al-‘Arabi”. Makalah ini telah dimuatkan dalam sebuah majalah ilmiah iaitu *Majallah Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah bi Dimashq* (edisi 32, jilid 4). Saranan al-Nadwi berkenaan keperluan untuk memperkenalkan Sastera Islam dan gesaan agar semua pihak memberi perhatian terhadap idea tersebut dinyatakan dalam makalahnya.

Usaha al-Nadwi mengetengahkan idea Sastera Islam sehingga menjadi sebuah gagasan yang diberi perhatian oleh para sarjana telah menjadikan dirinya sebagai antara individu pertama membincangkan takrifan Sastera Islam (Mohd Shahrizal & Kamarul Shukri, 2020a). Beliau turut terlibat dalam usaha menjelaskan isu-isu berkaitan Sastera Islam serta kemudiannya terlibat secara langsung dalam penubuhan *Rabitah al-Adab al-Islami al-‘Alamiyah* (Liga Sastera Islam Antarabangsa) (‘Abd al-Quddus, 1421H). Fakta ini turut dinyatakan oleh Sa‘d Abu al-Rida (1983) dan al-Basha (1998) yang menyebut al-Nadwi sebagai seorang sarjana pertama yang meneroka gagasan Sastera Islam pada eranya. Usaha al-Nadwi tersebut kemudiannya turut mendapat perhatian serius daripada kalangan para sarjana Islam lain khususnya daripada Timur Tengah seperti Sayyid Qutb, Muhammad Qutb dan Najib al-Kilani (Bin ‘Isa, 1998; al-Ya’qubi, 2011; Rabih, 2019). Sayyid Qutb (1906-1966) seorang sasterawan dari Mesir serta pengarang kitab tafsir *Fi Zilal al-Qur'an*, manakala adiknya Muhammad Qutb (1919-2014) merupakan seorang penulis prolifik karya-karya Islam yang menetap di Arab Saudi sehingga meninggal dunia dan Najib al-Kilani (1931-1995) pula adalah seorang karyawan dan novelis terkenal di peringkat antarabangsa yang telah menerima pelbagai pengiktirafan berdasarkan sumbangannya dalam bidang kesusasteraan.

Satu fakta yang tidak boleh disangkal ialah usaha yang dilakukan oleh al-Nadwi dalam mengembalikan perbincangan tentang Sastera Islam menyebabkan akhirnya penubuhan *Rabitah al-Adab al-Islami al-‘Alamiyah* dapat direalisasikan. Sebenarnya, kehadiran Islam sebagai agama bagi umat Islam membuatkan kesusasteraan dapat dikaitkan dengan Islam termasuk melalui penghasilan karya-karya berteraskan Islam oleh karyawan Muslim. Ini dibuktikan menerusi kemunculan para pemuisi Arab zaman Rasulullah *sallallahu ‘alayh wa sallam* (s.a.w.) yang memanfaatkan puisi mereka untuk mempertahankan Islam daripada serangan golongan yang menyerang Islam menggunakan puisi. Menurut Osman (1999) nama-nama pemuisi seperti Hassan bin Thabit, Ka'b bin Malik dan ‘Abdullah bin Rawahah adalah antara golongan pemuisi Arab terkenal pada zaman Rasulullah s.a.w. yang menggunakan puisi untuk tujuan dakwah Islamiah.

Selain itu, kewujudan Surah al-Shu'ara' (para pemuisi) dalam al-Quran menjadi bukti kukuh bahawa kesusasteraan Arab menerima kesan islamisasi sejak turunnya wahyu pertama kepada Rasulullah s.a.w. (Osman, 1999; al-Shanti, 2005). Walau bagaimanapun, wacana tentang Sastera Islam era kesusasteraan moden muncul kembali seiring dengan kemunculan gerakan Islam menerusi revolusi besar-besaran. Hal ini berlaku bertujuan memastikan sastera untuk umat Islam tidak dicemari dengan sebarang ideologi yang bertentangan dengan ajaran Islam. Inilah antara sebab yang membawa kepada usaha al-Nadwi untuk mengetengahkan gagasan Sastera Islam agar kesusasteraan melibatkan umat Islam tidak dipisahkan daripada agama Islam.

Pelantikan al-Nadwi sebagai penggerusi pertama *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah* (Liga Sastera Islam Antarabangsa) merupakan satu penghormatan besar terhadap dirinya. Ini sebenarnya bertitik-tolak daripada usaha beliau mencetuskan idea Sastera Islam ketika persidangan pertama mengenainya diadakan di Nadwatul 'Ulama sekitar tahun 1981 ('Abd al-Basit, 1421H). Rentetan daripada persidangan tersebut, beberapa siri persidangan telah diadakan bagi membuat perbincangan lanjut mengenai konsep Sastera Islam dan penubuhan *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah* (Liga Sastera Islam Antarabangsa). Akhirnya pada Januari 1986, al-Nadwi secara rasmi telah dipilih untuk menyandang jawatan penggerusi pertama sekaligus sebagai penggerusi pengasas kepada *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah* (Liga Sastera Islam Antarabangsa) (Mohammad Akram, 2013).

Kemuncak kepada semua usaha al-Nadwi mewacanakan semula Sastera Islam era moden berlaku apabila *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah* (Liga Sastera Islam Antarabangsa) dirasmikan penubuhannya. Hal ini menunjukkan wacana Sastera Islam era moden akhirnya dapat diinstitusikan secara rasmi dan ia terus berfungsi sehingga ke hari ini. Selain itu, keadaan ini membuktikan kepentingan Sastera Islam sebagai salah satu perkara penting dan semakin menjadi fokus perhatian umat Islam sejagat. Usaha-usaha memperkasakan gagasan Sastera Islam terus berlangsung sehingga sekarang dengan penganjuran siri persidangan dan penerbitan bahan-bahan ilmiah yang membincangkan pelbagai isu berkaitan Sastera Islam.

Perjuangan al-Nadwi memperkasakan Sastera Islam dapat dilihat sebagai usaha besarnya dalam bidang kesusasteraan. Namun, al-Nadwi tidak hanya bercakap tentang Sastera Islam dari sudut teori semata-mata. Pelbagai usaha yang telah dilaksanakannya secara praktikal telah membuatkan Sastera Islam tidak hanya dikenali sebagai satu terma yang dikaitkan dengan Islam. Al-Nadwi terlibat dalam penghasilan karya sastera termasuk genre sastera kembara (*adab al-rihlat*), autobiografi (*al-sirah al-zatiyah*), sastera kanak-kanak (*adab al-atfal*) dan sebagainya (Mohd Shahrizal & Kamarul Shukri, 2020b).

Dalam konteks Sastera Kanak-Kanak, al-Nadwi dilihat telah memberi penekanan yang signifikan dalam perkembangan sastera genre tersebut. Hal ini dibuktikan dengan penghasilan karya oleh al-Nadwi khusus untuk golongan kanak-kanak antaranya karya berjudul *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak), *Sirah Khatim al-Nabiyyin* (Sejarah Hidup Penutup Sekalian Nabi) dan *Qasas min al-Tarikh al-Islami li al-Atfal* (Kisah daripada Sejarah Islam untuk Kanak-Kanak). Penghasilan karya-karya khusus untuk kanak-kanak ini mengundang penelitian lanjut dilakukan kerana al-Nadwi dilihat memberi fokus terhadap sejarah kehidupan para nabi atau *al-sirah al-nabawiyyah* sebagai mauduk utama dalam penghasilan karya-karyanya untuk kanak-kanak. Malah penghasilan karya-karya tersebut yang terdiri daripada beberapa jilid membuktikan kandungan karya bertemakan *al-sirah al-nabawiyyah* untuk kanak-kanak tidak sedikit kuantitinya. Fokus tentang *al-sirah al-nabawiyyah* ini tidak tertumpu kepada sejarah kehidupan Rasulullah s.a.w. sahaja, malah turut melibatkan para nabi pilihan yang lain.

## 2. PERMASALAHAN KAJIAN

Usaha al-Nadwi menghasilkan karya khusus untuk kanak-kanak membuktikan beliau mempunyai tasawur jelas berkaitan sastera untuk golongan tersebut. Ini turut menjadi bukti bahawa al-Nadwi memahami keperluan meletakkan Islam sebagai asas penting dalam kesusasteraan untuk golongan kanak-kanak. Oleh itu, dalam usaha memperkasakan Sastera Islam, al-Nadwi tidak mengetepikan keperluan golongan kanak-kanak agar diberikan bahan-bahan karya yang menepati keperluan Sastera Islam. Sepertimana dijelaskan oleh al-Nadwi bahawa Sastera Islam mesti melibatkan karyawan yang merupakan seorang Muslim serta mengutamakan nilai-nilai Islam dalam karyanya (al-Washmi, 2005).

Penggunaan perkataan “al-atfal” (untuk kanak-kanak) yang diletakkan pada judul karya al-Nadwi untuk kanak-kanak membuktikan dirinya berusaha mengetengahkan idea berkenaan Sastera Kanak-Kanak Islami (*Adab al-Atfal al-Islami*) secara praktikal agar kanak-kanak didedahkan dengan bahan bacaan yang berpaksikan tradisi ilmu Islam. Oleh itu, penerokaan terhadap pandangan al-Nadwi tentang Sastera Kanak-Kanak Islami dilihat amat signifikan menerusi karya-karya tulisannya. Hal ini bagi memastikan usaha yang diberi perhatian oleh al-Nadwi dapat terus dimanfaatkan oleh masyarakat. Apabila masyarakat memahami kepentingan Sastera Kanak-Kanak Islami dalam proses pendidikan berteraskan Islam, maka mereka dapat memberi perhatian terhadap pemilihan bahan bacaan terbaik untuk golongan kanak-kanak. Bahan bacaan sememangnya dapat memberi pengaruh dalam pendidikan akhlak kanak-kanak (Rohaida, 1998), selain dapat membina jati diri mereka menerusi bahan bacaan yang mengandungi nilai-nilai murni (Maisarah & Latifah, 2012).

Penghasilan karya-karya al-Nadwi yang dikhususkan untuk kanak-kanak memaparkan sejumlah besar kisah para nabi dan tokoh Islam membuktikan wujudnya sudut pandang tersendiri al-Nadwi tentang Sastera Kanak-Kanak Islami. Inilah perkara utama yang akan diketengahkan dalam perbincangan makalah ini. Penekanan al-Nadwi terhadap kisah kehidupan para nabi dalam karya-karyanya untuk kanak-kanak menimbulkan persoalan tentang sejauh mana beliau melihat kepentingan *al-sirah al-nabawiyyah* dalam proses pendidikan kanak-kanak khususnya daripada kalangan orang Islam. Justeru, penerokaan terhadap perspektif al-Nadwi berkenaan kepentingan *al-sirah al-nabawiyyah* perlu diperincikan agar dapat dijadikan asas kepada para karyawan khususnya daripada kalangan Muslim. Hal ini supaya para karyawan dapat menghasilkan karya sastera bagi kanak-kanak yang berteraskan Islam sesuai dengan semangat mengembalikan kegembilan tradisi ilmu Islam. Selain itu, perbincangan tentang kepentingan *al-sirah al-nabawiyyah* sepertimana dinyatakan oleh al-Nadwi diharap dapat membantu golongan Muslim untuk memilih bahan bacaan yang bersesuaian malah sepatutnya diperlukan oleh anak masing-masing.

## 3. OBJEKTIF

Karya al-Nadwi secara jelas telah menjadikan kisah perjalanan kehidupan para nabi (*al-sirah al-nabawiyyah*) sebagai mauduk utama dalam karya-karya beliau untuk kanak-kanak. *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak) adalah sebuah karya al-Nadwi ditulis dalam bahasa Arab yang asalnya terdiri daripada lima jilid. Al-Nadwi telah mengambil masa selama kira-kira dua tahun iaitu mulai tahun 1944 hingga tahun 1946 untuk menyiapkan tiga jilid pertama *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak) (al-Nadwi, 1985). Meskipun karya ini asalnya ditulis dalam bahasa Arab, kini telah ada naskhah karya *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak) telah diterjemah ke dalam bahasa Melayu seperti terbitan Syabab Book Link (2011) dan Basoor Global (2016).

Jilid pertama naskhah asal *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak) mengandungi kisah Nabi Ibrahim ‘alayh al-salam (a.s.) dan Nabi Yusuf a.s., manakala jilid

kedua mengandungi kisah Nabi Nuh a.s., Nabi Hud a.s. dan Nabi Salih a.s. Jilid ketiga *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak) pula mengandungi kisah Nabi Musa a.s. sahaja termasuk kisah panjang melibatkan Fir'aun dan Bani Isra'il. Jilid keempat pula terdiri daripada kisah Nabi Shu'aib a.s. dan Nabi Isa a.s., seterusnya jilid kelima dikhurasukan mengenai kehidupan Rasulullah s.a.w. Satu perkara yang dikenal pasti ialah al-Nadwi hanya memuatkan kisah sembilan orang nabi yang menerima gelaran *Ulu al-'Azm* tidak diketepikan oleh al-Nadwi.

Usaha al-Nadwi menghasilkan *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak) mengambil masa yang lama bagi melengkapkan keseluruhan lima jilid. Hanya selepas kira-kira tiga puluh tahun daripada terbitnya jilid pertama hingga jilid ketiga iaitu pada tahun 1946, al-Nadwi kemudianya menyudahkan penulisan jilid keempat dan jilid kelima *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak) yang berjaya disiapkan pada tahun 1975 dan diterbitkan pada tahun 1976 (al-Nadwi, 1985). Ini menzahirkan komitmen al-Nadwi yang tidak pernah luntur dalam usaha menghasilkan karya khusus untuk golongan kanak-kanak melibatkan kisah para nabi. Dengan kesibukan beliau terlibat dalam pelbagai urusan dakwah serta penulisan karya-karya lain, al-Nadwi tetap konsisten meneruskan usahanya menyiapkan lima jilid *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak).

Jilid kelima *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak) yang memuatkan kisah kehidupan Rasulullah s.a.w. kemudiannya dicetak secara berasingan dengan judul *Sirah Khatim al-Nabiyyin* (Sejarah Hidup Penutup Sekalian Nabi). Manakala sebuah lagi karya al-Nadwi untuk kanak-kanak ialah *Qasas min al-Tarikh al-Islami li al-Atfal* (Kisah daripada Sejarah Islam untuk Kanak-Kanak) telah diterbitkan pada tahun 1991 iaitu lapan tahun sebelum al-Nadwi menghembuskan nafasnya yang terakhir. Karya ini memuatkan sebanyak 18 kisah berkaitan sejarah Islam termasuk kisah melibatkan Rasulullah s.a.w. dan para sahabat seperti Saidina Umar. Karya ini masih menjadikan kisah kehidupan Rasulullah s.a.w. sebagai latar utama dan kisah-kisah lain yang termaktub dalam sejarah Islam. Menurut al-Nadwi (1991), selepas berjaya menyiapkan karya *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak) pada era 1940-an, beliau masih terus berhasrat menghasilkan karya untuk kanak-kanak yang memberi fokus kepada sejarah Islam (*al-tarikh al-Islami*). Inilah gambaran kesungguhan al-Nadwi menghasilkan bahan bacaan yang sepatutnya didedahkan kepada golongan kanak-kanak dengan tujuan untuk mendekatkan pendidikan berteraskan Islam dalam diri dan pemikiran mereka.

Bertitik-tolak daripada usaha konsisten ditunjukkan oleh al-Nadwi yang meletakkan kisah kehidupan para nabi (*al-sirah al-nabawiyyah*) termasuk Rasulullah s.a.w. sebagai mauduk kandungan karya untuk kanak-kanak, maka hal ini dengan sendirinya mengundang satu penelitian penting khususnya tentang pandangan al-Nadwi terhadap kepentingan *al-sirah al-nabawiyyah* dalam pendidikan kanak-kanak. Ini mewajarkan pandangan al-Nadwi tentang *al-sirah al-nabawiyyah* dibincangkan sehingga dapat dikenal pasti sejauh mana al-Nadwi melihat kepentingan kanak-kanak khususnya daripada kalangan orang Islam didedahkan dengan karya-karya berdasarkan sumber berautoriti dalam Islam seperti al-Quran dan hadis.

#### 4. METODOLOGI

Kajian ini mengguna pakai kaedah kualitatif yang melibatkan pendekatan analisis teks (*textual analysis*). Pemilihan metodologi kajian ini berdasarkan kesesuaian kaedah analisis teks yang memberi fokus kepada bahan kajian melibatkan bahan-bahan penulisan al-Nadwi sendiri. Analisis teks melibatkan proses pembacaan karya yang dikategorikan sebagai data kajian dengan memberi perhatian kepada maksud tersurat dan tersirat teks tersebut. Sumber utama yang digunakan dalam kajian ini melibatkan tulisan al-Nadwi yang dimuatkan sebagai mukadimah karya-karya al-Nadwi untuk bacaan golongan kanak-kanak. Beberapa pandangan pengkaji lain berkaitan dimensi pemikiran al-Nadwi yang dikaitkan dengan *al-sirah al-nabawiyyah* turut dimanfaatkan dalam

perbincangan kajian ini. Karya al-Nadwi yang dimaksudkan merujuk kepada *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak), *Sirah Khatim al-Nabiyyin* (Sejarah Hidup Penutup Sekalian Nabi) dan *Qasas min al-Tarikh al-Islami li al-Atfal* (Kisah daripada Sejarah Islam untuk Kanak-Kanak). Justeru, analisis teks yang dikaji akan memberi fokus terhadap idea-idea diutarakan oleh al-Nadwi yang dapat difahami sebagai pandangannya tentang kepentingan *al-sirah al-nabawiyah* dalam pendidikan kanak-kanak.

## 5. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Judul karya al-Nadwi yang dihasilkan untuk kanak-kanak secara jelas menunjukkan fokus beliau memilih kisah hidup para nabi sebagai mauduk kandungan. Perkataan *al-nabiyyin* pada judul karya al-Nadwi iaitu *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak) merujuk kata jamak bagi perkataan *al-nabi*. Meskipun terdapat perbezaan antara makna nabi dan rasul (al-Ashqar, 1995; Muhammad Fathullah, 2005), al-Nadwi dilihat mengambil pendekatan untuk menggunakan perkataan *al-nabiyyin* dengan merujuk kepada para rasul. Buktinya, kesemua individu yang dikisahkan dalam karya *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak) adalah daripada kalangan para rasul. Ini tidak dilihat sebagai satu kejanggalan kerana Allah *subhanah wa ta'ala* (s.w.t.) turut menggunakan perkataan *al-nabiyyin* dalam al-Quran bagi merujuk golongan para rasul. Ini dapat dilihat berdasarkan firman Allah s.w.t. dalam al-Quran:

﴿لَيْسَ الْبِرُّ أَنْ تُولُوا وُجُوهَكُمْ قَبْلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ أَمَنَ بِاللهِ وَالْيَوْمِ  
الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّنَ وَآتَى الْمَالَ عَلَىٰ حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَىِ وَالْيَتَامَىِ  
وَالْمَسَاكِينَ وَأَبْنَ السَّبِيلِ وَالسَّاَلِيْلِينَ وَفِي الرِّقَابِ وَأَقامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الرِّكَاهَ وَالْمُؤْمِنُونَ  
بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ الْبُشْرَىُّ أُولَئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا  
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ﴾

Terjemahan: Bukanlah perkara kebijakan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebijakan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan semua kitab, dan sekalian nabi (*al-nabiyyin*); dan seseorang mendermakan hartanya sedangkan dia menyayanginya, - kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim dan orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang yang meminta, dan untuk memerdekaan hamba-hamba abdi; dan seseorang yang menuai sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan, dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan pada jalan Allah. Orang yang demikian sifatnya), mereka itulah orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebijakan); dan mereka itulah juga orang yang bertakwa. (Surah al-Baqarah, 2: 177)

Selain ayat daripada Surah al-Baqarah (2: 177) tersebut, terdapat beberapa ayat lain yang turut memuatkan perkataan *al-nabiyyin* seperti ayat dalam Surah al-Baqarah (2: 213) dan Surah Ali ‘Imran (3: 80-81). Terdapat juga beberapa ayat al-Quran yang menggunakan perkataan *al-nabiyyin* yang turut merujuk kepada kata jamak bagi perkataan *al-nabi*. Ini dapat dilihat pada Surah al-Baqarah (2: 136), Surah Ali ‘Imran (3: 84), dan Surah al-Ma’idah (5: 44). Kesemua perkataan tersebut merujuk kepada para rasul yang berdakwah kepada umat masing-masing meskipun disebut dengan perkataan nabi. Malah, dalam amalan masyarakat Melayu Muslim,

mereka menggunakan perkataan nabi sebagai gelaran kepada semua rasul. Justeru, perkataan nabi dalam kajian ini merujuk kepada para rasul.

Fokus analisis akan tertumpu kepada pandangan al-Nadwi berkaitan kehidupan para nabi (*al-sirah al-nabawiyyah*) yang dijadikan mauduk kandungan karyanya untuk golongan kanak-kanak. Tambahan pula, al-Nadwi turut menghasilkan karya berkaitan sejarah kehidupan Rasulullah s.a.w. untuk bacaan orang dewasa. Ini membuktikan terdapat perbezaan terhadap pendekatan dalam penceritaan bagi karya al-Nadwi berkaitan Rasulullah s.a.w. untuk golongan dewasa dan golongan kanak-kanak. Secara mudah untuk difahami, penekanan yang diberikan oleh al-Nadwi terhadap *al-sirah al-nabawiyyah* menunjukkan kepentingan mauduk ini dalam kehidupan manusia. Menurut ‘Imad al-Din (1999), al-Nadwi merupakan seorang ilmuwan Muslim yang termasuk dalam kelompok kecil sarjana kontemporari yang memberi perhatian terhadap *al-sirah al-nabawiyyah*.

Kajian-kajian yang dilakukan oleh al-Dihlawi (2001), Shamim (2012), ‘Abd al-Ghani (2014), al-Sadiq (2014), dan ‘Abd al-Malik (2014) telah membuktikan bahawa penekanan tentang *al-sirah al-nabawiyyah* oleh al-Nadwi turut melibatkan cakupan Sastera Kanak-Kanak. Justeru, pandangan al-Nadwi tentang *al-sirah al-nabawiyyah* dalam pendidikan kanak-kanak akan diperhalusi dalam kajian ini. Untuk tujuan itu, pandangan al-Nadwi tentang kepentingan *al-sirah al-nabawiyyah* dapat dijelaskan sepertimana berikut:

### 5.1 Penumpuan terhadap Sastera Tulen

Seruan al-Nadwi agar para karyawan memberi keutamaan terhadap *al-Adab al-Tabi'i* (Sastera Tulen) menjadi asas kepada usahanya memberi tumpuan terhadap *al-sirah al-nabawiyyah*. Sastera Tulen dilihat sebagai satu perspektif tersendiri al-Nadwi yang menurutnya perlu diadaptasi dalam Sastera Kanak-Kanak. Menurut al-Nadwi, *al-Adab al-Tabi'i* (Sastera Tulen) adalah khazanah kesusasteraan Arab yang perlu diberi perhatian sewajarnya lebih-lebih lagi apabila ia mempunyai perkaitan langsung dengan Islam. Hakikatnya, kesusasteraan Arab yang dikaitkan dengan Islam secara rapat merupakan tradisi kesusasteraan umat Islam. Justeru, al-Nadwi melihat bahawa perubahan dalam bidang kesusasteraan yang perlu disepadukan dengan ajaran Islam mesti bermula daripada kesusasteraan Arab. Maka saranan agar kesusasteraan Arab memberi tumpuan terhadap *al-Adab al-Tabi'i* (Sastera Tulen) telah dikemukakan oleh al-Nadwi sebelum Sastera Islam menjadi satu fenomena dalam kalangan sarjana Islam. Al-Nadwi menjelaskan hal ini menerusi ungkapan dalam bukunya berjudul *Nazarat fi al-Adab* (1997a: 22):

إن هذا الأدب الطبيعي الجميل القوي كثير وقد تم في المكتبة العربية، بل هو أكبر سنا وأسبق زمنا من الأدب الصناعي، فقد دون هذا الأدب في كتب الحديث والسيرة قبل أن يدون الأدب الصناعي في كتب الرسائل والمقامات، ولكنه لم يحظ من دراسة الأدباء والباحثين وعانيا به ما حظي به الأدب الصناعي، مع أنه هو الأدب الذي تجلت فيه عبرية اللغة العربية وأسرارها وبراعة أهل اللغة ولبقائهم، وهو مدرسة الأدب الأصيلة الأولى.

Terjemahan: Sesungguhnya *al-Adab al-Tabi'i* (Sastera Tulen) ini memiliki keindahan dan kemantapan dan sastera jenis ini mempunyai jumlah yang banyak dan klasik dalam khazanah kesusasteraan Arab. Sastera jenis ini adalah khazanah yang telah lama dan mendahului zaman penciptaan Sastera Rekaan (*al-Adab al-Sina'i*). Sastera Tulen telah termaktub dalam kitab-kitab hadis dan sejarah (*sirah*) sebelum wujudnya sastera rekaan yang terdapat dalam genre kesusasteraan Arab seperti *al-rasa'il* dan *al-maqamat*, namun Sastera Tulen tidak mendapat perhatian

daripada para karyawan dan pengkaji sepetimana perhatian mereka terhadap Sastera Rekaan. Sedangkan Sastera Tulen mempamerkan keunggulan bahasa Arab dan rahsia di dalamnya serta menyerlahkan kebijaksanaan para ahli bahasa dan pendokong mereka. Dan Sastera Tulen merupakan wadah pemikiran sastera yang ulung. (Terjemahan bebas penulis)

Al-Nadwi menjelaskan kepentingan memanfaatkan sumber khazanah ilmu Islam yang dicontohkan antaranya dengan *al-hadith al-nabawi* dan *al-sirah al-nabawiyah* sebagai sumber sastera (al-Nadwi, 1997a). Inilah yang cuba diketengahkan oleh al-Nadwi menerusi gesaannya agar *al-Adab al-Tabi'i* (Sastera Tulen) diperkasakan oleh para karyawan Muslim. Oleh itu, al-Nadwi sendiri dilihat memberi penekanan yang serius terhadap *al-sirah al-nabawiyah* yang termasuk sebagai sebahagian daripada *Adab al-Tabi'i* (Sastera Tulen). Ini terbukti dengan penghasilan karya al-Nadwi berkaitan *al-sirah al-nabawiyah* untuk orang dewasa dan juga kanak-kanak. Meskipun kandungan buku tersebut berlegar pada perkara yang sama iaitu mempersembahkan sejarah kehidupan Rasulullah s.a.w. dan para nabi lain, namun al-Nadwi didapati berusaha mewacanakan kandungan buku mengikut peringkat umur manusia. Perkara ini bertepatan dengan keperluan Sastera Kanak-Kanak yang kandungannya mesti dibezakan daripada kandungan karya untuk bacaan orang dewasa (Nasir Yusuf, 2011).

Berdasarkan keadaan ini, dapat difahami bahawa al-Nadwi melihat kepentingan *al-sirah al-nabawiyah* sebagai bahan ilmu yang perlu didedahkan kepada golongan kanak-kanak sejak dari awal perkembangan minda mereka. Apatah lagi ditambah dengan kemunculan pelbagai watak buatan yang digambarkan sebagai wira dalam media massa pada ketika ini. Maka amat wajar kanak-kanak Muslim didedahkan dengan *al-sirah al-nabawiyah* memandangkan para nabi adalah contoh ikutan bagi sekalian manusia. Al-Nadwi telah membuat satu seruan yang baik supaya *al-Adab al-Tabi'i* (Sastera Tulen) diperkasakan oleh para karyawan Muslim dan seruan tersebut turut disahut oleh dirinya sendiri dengan penghasilan karya berteraskan *al-sirah al-nabawiyah* untuk kanak-kanak.

## 5.2 Penolakan unsur khurafat

Kebiasaannya, bahan bacaan kanak-kanak sinonim dengan perkara-perkara yang melibatkan unsur khurafat. Dewasa kini, bukan sahaja bahan bacaan kanak-kanak dimasuki dengan unsur-unsur tersebut, malah kandungan rancangan dalam televisyen dan media elektronik lain turut berkisar tentang perkara yang bersifat dongeng dan khurafat. Usaha al-Nadwi yang memberi fokus terhadap *al-sirah al-nabawiyah* untuk kanak-kanak dilihat bertitik-tolak daripada usahanya menolak perkara-perkara khurafat dalam bahan bacaan kanak-kanak. Dalam keadaan umat Islam memiliki ilmu bersumberkan sejarah kehidupan para nabi, maka keperluan untuk memanfaatkannya sebagai antara sumber ilmu bagi golongan kanak-kanak tidak boleh dikesampingkan. Usaha al-Nadwi memperkasakan kisah kehidupan para nabi dapat dilihat berdasarkan mukadimah yang ditulisnya untuk karyanya *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak) (1996: 6-7):

ابن أخي العزيز! أراك حريصا على القصص والحكايات. وكذلك كل طفل في سنك. تسمع هذه القصص بكل رغبة، وتقرأها بكل رغبة، ولكنني أتأسف لأنني لا أرى في يدك إلا حكايات السنانير والكلاب والأسد والذئاب والقردة والدباب... وقد بدأت تتعلم اللغة العربية لأنها لغة القرآن والرسول ولغة الدين... ولكنني أخجل أنك لا تجد ما يوافق سنك من القصص العربية، إلا قصص الحيوانات، والأساطير والخرافات.

Terjemahan: Duhai anak saudaraku yang dimuliakan! Saya melihat kesungguhanmu membaca kisah dan hikayat. Dan begitu juga kanak-kanak yang seusia denganmu. Kamu mendengar kisah dengan penuh minat, dan membacanya dengan penuh minat, akan tetapi sungguh mendukacitakan kerana saya tidak melihat pada tanganmu buku melainkan tentang kucing, anjing, singa, serigala, monyet, dan beruang... Dan kamu telah mula mempelajari bahasa Arab kerana ia bahasa al-Quran, bahasa Rasulullah, dan bahasa agama Islam... Namun saya khuatir kamu tidak menemui kisah dalam bahasa Arab yang sesuai dengan usiamu, melainkan yang ada hanyalah kisah-kisah binatang, dan khayalan, dan khurafat. (Terjemahan bebas penulis)

Mukadimah yang ditulis oleh al-Nadwi ini cukup jelas menggambarkan aspirasinya yang ingin memperbetulkan keadaan dalam pendidikan kanak-kanak Muslim. Penghasilan karya awalnya berkaitan Sastera Kanak-Kanak Islami iaitu *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak) tercetus apabila melihat anak saudaranya iaitu Muhammad bin ‘Abd al-‘Ali al-Hasani yang gemar membaca buku-buku cerita namun semuanya berkaitan dengan kisah haiwan (al-Nadwi, 1996). Dalam keadaan anak saudara al-Nadwi juga ketika itu giat mempelajari bahasa Arab, maka al-Nadwi melihat satu keperluan agar golongan kanak-kanak Muslim seusia dengan anak saudaranya itu didedahkan dengan kisah para nabi, dan bukannya kisah haiwan yang sarat dengan unsur khurafat. Ini sebenarnya tumpuan yang perlu diberikan terhadap Sastera Kanak-Kanak memandangkan ramai pengkaji seperti Kifayatullah (2010), Sulayman Qurari (2013), dan Shaykh Muhammad (2015) menyatakan bahawa sastera jenis ini dapat mempengaruhi pembentukan pemikiran kanak-kanak. Sekiranya kanak-kanak didedahkan dengan bahan sastera yang megandungi kebaikan, maka elemen yang baik dapat memberi kesan terhadap pemikiran mereka, begitu juga sebaliknya.

Berasaskan perkara tersebut, ia menyerlahkan pendirian al-Nadwi yang amat prihatin terhadap keperluan golongan kanak-kanak untuk didedahkan dengan bahan bacaan yang kandungannya bersifat benar. Menurut Muhammad ‘Abd al-Hadi (2006), Sastera Kanak-Kanak Islami mementingkan ciri-ciri kebenaran terhadap kandungannya. Maka kebenaran yang pasti adalah berkaitan kehidupan para nabi kerana sumber kepada kisah-kisah tersebut daripada al-Quran, hadis dan sejarah Islam. Hal inilah yang membuktikan al-Nadwi telah berusaha memperkasakan tema *al-sirah al-nabawiyah* dalam karyanya untuk golongan kanak-kanak. Usaha al-Nadwi ini menggambarkan keprihatinannya yang bukan sahaja kepada anak saudaranya, namun seluruh kanak-kanak kalangan umat Islam. Ini dijelaskan oleh al-Nadwi menerusi petikan berikut (al-Nadwi, 1996: 7):

رأيتك أن أكتب لك ولأمثالك أبناء المسلمين قصص الأنبياء والمرسلين بأسلوب سهل يوافق سنك وذوقك، ففعلت، وهذا هو الكتاب الأول من "قصص النبيين للأطفال" أهديه إليك.

Terjemahan: Maka saya rasakan perlu dihasilkan bahan bacaan tentang kisah para nabi dan rasul untuk kamu dan anak-anak Muslim seusia denganmu, dengan gaya bahasa yang mudah bersesuaian dengan umur dan jiwamu. Maka saya hasilkan karya, dan inilah karya pertama daripada *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak), yang saya hadiahkan kepada kamu. (Terjemahan bebas penulis)

### 5.3 Para rasul sebagai suri teladan

Para nabi merupakan golongan yang mendapat wahyu daripada Allah s.w.t. Justeru, setiap kisah yang melatari kehidupan mereka pastinya sarat dengan nilai-nilai murni yang sepatutnya diterapkan dalam diri golongan kanak-kanak. Al-Nadwi dalam mukadimah karyanya berjudul *Qasas min al-*

*Tarikh al-Islami li al-Atfal* (Kisah daripada Sejarah Islam untuk Kanak-Kanak) merujuk kisah para nabi sebagai kisah yang paling tepat untuk diambil pengajaran berdasarkan pengiktirafan yang dinyatakan oleh Allah s.w.t. dalam al-Quran (al-Nadwi, 1991: 6):

وَلَا أَبْلُغُ وَلَا أَصْدِقُ مِنْ قَوْلِ اللَّهِ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ: ﴿لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِّأُولَئِكَ الْأَلْبَابِ﴾. وَيَقُولُ مُخَاطِبًا لِّنَبِيِّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ: ﴿فَاقْصُصِ الْقَصَصَ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ﴾.

Terjemahan: Dan tidak ada yang lebih fasih dan benar selain daripada firman Allah s.w.t. dalam al-Quran yang bermaksud: “Demi sesungguhnya, kisah para nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang yang mempunyai akal fikiran...” (Surah Yusuf, ayat 111) Dan Allah s.w.t. berfirman kepada nabi-Nya yang bermaksud: “... maka ceritakanlah kisah-kisah itu supaya mereka berfikir.” (Surah al-A’raf, ayat 176)

Dari sudut lain pula, apabila al-Nadwi menghasilkan sebuah karya khas berkaitan Rasulullah s.a.w. berjudul *Sirah Khatim al-Nabiyyin* (Sejarah Hidup Penutup Sekalian Nabi), maka usaha tersebut membuktikan pandangan al-Nadwi yang sangat jelas tentang keperluan nilai-nilai murni dalam keperibadian diri baginda sepatutnya diterapkan dalam pembentukan sahsiah kanak-kanak Muslim. Pendek kata, kanak-kanak Muslim perlu mencontohi keperibadian Rasulullah s.a.w. serta menjadikan baginda sebagai suri teladan (*role model*). Natijahnya nanti, kanak-kanak Muslim tidak akan teragak-agak untuk menyatakan bahawa idola kebanggaan mereka ialah Rasulullah s.a.w., bukannya individu lain. Ini kerana mereka telah didedahkan dengan sejarah kehidupan baginda s.a.w. sedari awal usia mereka lagi. Perkara ini antara lain telah dijelaskan oleh al-Nadwi (1985: 5) dalam mukadimah karyanya:

وَقَدْ جَاءَتْ فِيهِ خَلَاصَةُ السِّيرَةِ وَلِبَاهَا، وَرَوَاعَ حَكَائِهَا وَأَخْبَارَهَا، وَتَارِيخُ الدِّعَوَةِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْأُولَى وَفَنُوحَاتُهَا وَانتِصَارَهَا، وَعَجَائِبُ التَّرْبِيَّةِ النَّبُوَّيَّةِ وَمَعْجَزَاتُهَا، فَأَصْبَحَ الْكِتَابُ مَدْرَسَةً كَامِلَةً يُنشَأُ فِيهَا الطَّالِبُ بَيْنَ إِيمَانٍ وَحَنَانٍ وَيَتَقَلَّبُ بَيْنَ رُوحٍ وَرِيحَانٍ...

Terjemahan: Dan buku ini mengandungi ringkasan sejarah hidup Rasulullah dan peristiwa penting dalam kehidupannya, serta hikayat dan berita yang menarik, juga sejarah penyebaran dakwah Islam era pertama dan penaklukan kawasan serta kemenangan dalam peperangan, dan kemenangannya, dan juga kehebatan pendidikan berdasarkan wahyu kenabian serta mukjizatnya. Maka buku ini dapat menjadi wadah pembelajaran yang lengkap, bagi tujuan melahirkan pelajar yang hidup dalam lingkungan iman dan kelembutan, serta membesar dengan acuan semangat dan suasana yang baik... (Terjemahan bebas penulis)

Oleh itu, kanak-kanak perlu diperkenalkan dengan kehidupan para insan hebat daripada kalangan para nabi terutama Rasulullah s.a.w. Dalam erti kata lain, al-Nadwi menghendaki agar kanak-kanak dapat melihat kehebatan serta keindahan hidup para nabi yang wajar dicontohi. Oleh itu, al-Nadwi amat menitikberatkan *al-sirah al-nabawiyyah* untuk kanak-kanak agar mereka menjadikan para nabi khususnya Rasulullah s.a.w. sebagai contoh ikutan yang paling utama. Perbuatan mencontohi keperibadian para nabi khususnya Rasulullah s.a.w. oleh kanak-kanak boleh menambah kekuatan pegangan akidah. Oleh itu, terdapat para sarjana Islam yang mengulas bahawa karya al-Nadwi iaitu *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak)

merupakan “ilmu tauhid baharu” untuk kanak-kanak (Zulkifli, 2015). Ini merupakan satu pengiktirafan terhadap usaha al-Nadwi yang berjaya mempersembahkan kisah nabi sesuai dengan tahap kefahaman kanak-kanak.

Saranan agar manusia mencontohi keperibadian mulia yang ditunjukkan oleh para nabi telah dijelaskan oleh Islam. Malah perkara ini sememangnya dinyatakan oleh Allah s.w.t. dalam al-Quran berkenaan keperibadian unggul yang dimiliki oleh Rasulullah s.a.w. Keperibadian unggul tersebut mesti dicontohi oleh mereka yang mengharapkan keredaan-Nya serta kebahagian di akhirat kelak:

﴿لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا﴾

Terjemahan: Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang). (Surah al-Ahzab, 33: 21)

Berdasarkan penjelasan ini, dapat difahami bahawa al-Nadwi menghasilkan karya sastera untuk kanak-kanak berasaskan tasawur Islam yang sangat jelas. Oleh itu, kesannya nanti kanak-kanak akan terikat dengan kebertanggungjawaban terhadap agama kerana mereka telah didedahkan dengan pendidikan Islam menerusi kisah para nabi. Al-Nadwi mempunyai perspektif tersendiri berkenaan Sastera Kanak-Kanak Islami yang bukan sahaja bersifat teori, malah ia turut diaplikasi dengan penghasilan karya-karya beliau yang bermutu iaitu *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak), *Sirah Khatim al-Nabiyyin* (Sejarah Hidup Penutup Sekalian Nabi) dan *Qasas min al-Tarikh al-Islami li al-Atfal* (Kisah daripada Sejarah Islam untuk Kanak-Kanak). Inilah sebahagian daripada sumbangan besar al-Nadwi dalam memperkasakan Sastera Islam menerusi Sastera Kanak-Kanak Islami. Hal ini menurut Mohd Shahrizal dan Kamarul Shukri (2020b) merupakan bukti jelas usaha al-Nadwi yang dilakukannya sendiri seawal tahun 1940-an, selain usaha-usaha lain yang turut disertainya bersama kalangan sarjana Islam lain bagi memartabatkan gagasan Sastera Islam.

#### 5.4 Penerapan nilai-nilai rabbani dalam kehidupan

Pemilihan al-Nadwi terhadap kisah para nabi dan golongan sarjana Islam sebagai bacaan untuk kanak-kanak antara lain adalah untuk mereka mencontohi nilai-nilai mulia yang dipamerkan dalam kisah tersebut. Sebagai contoh mudah, para nabi adalah golongan yang mesti memiliki sifat-sifat yang mulia seperti *al-sidq* (benar), *al-amana* (jujur), *al-tabligh* (menyebarluaskan dakwah) dan *al-fatanah* (kebijaksanaan) (Muhammad Fathullah, 2005; al-Sallabi, 2011). Sifat-sifat tersebut wajib dimiliki oleh para nabi memandangkan mereka adalah golongan yang dipilih oleh Allah s.w.t. untuk menyampaikan dakwah kepada manusia. Justeru, sifat-sifat mulia yang dizahirkan dalam keperibadian para nabi menerusi sejarah kehidupan mereka dapat dilihat oleh kanak-kanak semasa membaca karya mengenainya. Ini secara langsung memberi ruang kepada kanak-kanak untuk mencontohi nilai-nilai murni yang ditunjukkan dalam kehidupan para nabi tersebut.

Para rasul merupakan golongan yang mendapat wahyu langsung daripada Allah s.w.t. Setiap kisah yang melatari kehidupan mereka pastinya sarat dengan nilai-nilai rabbani (yang dikaitkan dengan Allah s.w.t.) dan ia sepatutnya diterapkan dalam diri kanak-kanak. Justeru, usaha al-Nadwi menghasilkan karya-karya bertemakan *al-sirah al-nabawiyyah* memperlihatkan dimensi pemikirannya yang meletakkan keperluan agar nilai-nilai rabbani dalam keperibadian diri para nabi perlu diterapkan dalam pembentukan sahsiah kanak-kanak. Penelitian terhadap kandungan

karya-karya al-Nadwi untuk kanak-kanak mendapati bahawa semua nilai yang terkandung dalam kisah para nabi seperti berani atas kebenaran, dedikasi menggalas tanggungjawab, melaksanakan usaha penyebaran dakwah dan bijaksana dalam setiap tindakan merupakan nilai-nilai rabbani yang sepatutnya dimiliki oleh setiap insan bermula dari usia kanak-kanak. Nilai-nilai yang baik inilah akan dapat menyerlahkan keluhuran sahsiah insan seawal usia kanak-kanak sepetimana yang dituntut oleh Islam. Malah, pengiktirafan Allah s.w.t. dalam al-Quran tentang keluhuran peribadi para nabi sebagai golongan yang soleh mewajarkan keperibadian mereka dicontohi. Firman Allah s.w.t. dalam al-Quran:

﴿وَوَهْبِنَا لَهُ إِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ كُلًا هَدَيْنَا وَنُوحًا هَدَيْنَا مِنْ قَبْلٍ وَمِنْ ذُرْيَتِهِ دَأْوَدَ وَسُلَيْمَانَ وَأَيُّوبَ وَيُوسُفَ وَمُوسَى وَهَارُونَ وَكَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ﴾

Terjemahan: Dan Kami (Allah) telah mengurniakan kepada Ibrahim; (anaknya) Ishak (daripada isterinya Sarah), dan (cucunya) Ya'qub. Tiap-tiap seorang (daripada mereka) Kami telah berikan petunjuk, dan Nuh juga Kami telah berikan petunjuk dahulu sebelum itu; dan daripada keturunan Ibrahim itu (ialah nabi-nabi): Daud, dan Sulaiman, dan Ayyub, dan Yusuf, dan Musa, dan Harun. Dan demikianlah Kami memberi balasan kepada orang yang berusaha supaya baik amal perbuatannya. (Surah al-An'am, 6: 84)

Dalam ayat tersebut, Allah s.w.t. menjelaskan bahawa para nabi merupakan golongan yang berusaha supaya melakukan perbuatan yang baik. Ini membuktikan keperibadian para nabi merujuk kepada perbuatan-perbuatan yang diiktiraf sebagai sesuatu yang baik di sisi Allah s.w.t. Pada dua ayat berikutnya pula iaitu Surah al-An'am ayat 85 dan 86, Allah s.w.t. menjelaskan bahawa para nabi merupakan golongan yang soleh (baik) serta mereka termasuk dalam kalangan orang yang memiliki darjah tinggi berbanding manusia lain. Semua ini membuktikan kehidupan para nabi diperlihatkan oleh Allah s.w.t. dengan nilai-nilai rabbani yang diperakui oleh Allah s.w.t. sebagai nilai yang amat baik. Inilah yang mewajarkan nilai-nilai rabbani tersebut dicontohi oleh kanak-kanak. Firman Allah s.w.t. dalam al-Quran:

﴿وَوَزَّرِيَا وَيَحْيَى وَعِيسَى وَإِلْيَاسٌ كُلُّ مِنَ الْصَّالِحِينَ ﴿٨٥﴾ وَإِسْمَاعِيلَ وَالْيَسَعَ وَبُونُسَ وَلُوطًا وَكُلًا فَضَّلْنَا عَلَى الْعَالَمِينَ﴾

Terjemahan: Dan (daripada keturunannya juga ialah para nabi) Zakaria, dan Yahya, dan Isa, dan Ilyas; semuanya daripada kalangan orang yang soleh. Dan (daripada keturunannya juga ialah para nabi): Ismail, dan Ilyasa' dan Yunus, dan Lut; dan mereka itu semuanya, Kami (Allah) lebihkan darjah mereka atas umat-umat (yang ada pada zamannya). (Surah al-An'am, 6: 85-86)


Meskipun terdapat banyak nilai murni yang dapat dicontohi daripada insan-insan lain, hal ini tidak dapat mengetepikan keperluan untuk menerapkan nilai-nilai rabbani yang ada dalam diri para nabi. Malah mengambil manfaat daripada nilai-nilai rabbani yang ditunjukkan dalam kehidupan para nabi perlu dijadikan keutamaan dalam proses mendidik kanak-kanak. Oleh itu, al-Nadwi secara jelas telah memberi penekanan terhadap *al-sirah al-nabawiyyah* kerana inilah sumber berautoriti yang dapat menyalurkan nilai-nilai rabbani kepada golongan kanak-kanak. Keutamaan terhadap *al-sirah al-nabawiyyah* yang termaktub dalam sejarah Islam (*al-tarikh al-Islami*) menjadi asas dalam proses pengkaryaan al-Nadwi untuk golongan kanak-kanak sesuai dengan pendiriannya sepetimana dinyatakan pada petikan berikut (al-Nadwi, 1997b: 9):

وال تاريخ الإسلامي من أغنى الثروات التاريخية والمكتبات العالمية، في روعة إيمانية وخلقية، ومثل إنسانية رفيعة... وكتب التاريخ المؤثرة بها، مليئة طافحة بمثل هذه الحكايات والقصص، والمثال والنماذج...

Terjemahan: Dan sejarah Islam adalah salah satu khazanah sejarah dan pustaka dunia yang paling berharga, dalam memaparkan keindahan iman dan pekerti, dan contoh teladan kemanusiaan yang tinggi... Dan buku-buku sejarah yang berkualiti, (kesemuanya) sarat dengan hikayat dan kisah bermanfaat seumpamanya, serta himpunan contoh teladan dan ikutan... (Terjemahan bebas penulis)

Perkara-perkara yang dijelaskan ini menunjukkan sudut pandang yang menyerlahkan dimensi pemikiran al-Nadwi terhadap kepentingan *al-sirah al-nabawiyyah* dalam pendidikan kanak-kanak. Al-Nadwi telah memberi penekanan terhadap keperluan untuk mengetengahkan tema *al-sirah al-nabawiyyah* dalam Sastera Kanak-Kanak. Oleh itu, menurut al-Sadiq (2014) bagi merealisasikan keutamaan *al-sirah al-nabawiyyah* dalam karya Sastera Kanak-Kanak, al-Nadwi dilihat memberi tumpuan yang lebih terhadap genre kisah atau cerita. Usaha al-Nadwi ini secara langsung memberi gambaran bahawa Sastera Kanak-Kanak Islami perlu diperkasakan dengan antara lain memberi penumpuan kepada *al-sirah al-nabawiyyah* menerusi genre kisah.

Selain *al-sirah al-nabawiyyah* yang merupakan satu bahagian yang termasuk dalam sumber *al-Adab al-Tabi'i* (Sastera Tulen), ia mengandungi unsur-unsur kebenaran dan sarat dengan nilai-nilai rabbani yang diperlukan dalam proses pendidikan kanak-kanak. Selain itu, meskipun kandungan *al-sirah al-nabawiyyah* dikaitkan dengan sejarah masa lalu, namun kesungguhan al-Nadwi mengetengahkan tema ini menunjukkan bahawa ia mampu dijadikan panduan dalam menyelesaikan masalah kehidupan termasuk pada era masa kini (Nasim, 2012). Bukanakah kanak-kanak yang akan mendepani cabaran kehidupan pada masa akan datang perlu dibekalkan dengan panduan? Tiada panduan lebih bermanfaat selain yang ditunjukkan oleh Allah s.w.t. menerusi kehidupan para nabi-Nya. Di sudut yang lain pula, penekanan al-Nadwi terhadap *al-sirah al-nabawiyyah* yang perlu dijadikan input dalam Sastera Kanak-Kanak sebenarnya dapat menyerlahkan identiti Sastera Kanak-Kanak Islami. Rajah 1 berikut menjelaskan perkaitan antara Sastera Kanak-Kanak, *al-sirah al-nabawiyyah* serta Sastera Kanak-Kanak Islami.



Rajah 1: Hubungan antara Sastera Kanak-Kanak dengan *al-Sirah al-Nabawiyyah* yang menyerlahkan identiti Sastera Kanak-Kanak Islami

## 6. KESIMPULAN

Al-Nadwi telah menunjukkan kepentingan *al-sirah al-nabawiyyah* dalam proses mendidik kanak-kanak khususnya daripada kalangan orang Islam. Menerusi wadah kesusasteraan, al-Nadwi dilihat berjaya meninggalkan satu legasi ilmu dalam pendidikan kanak-kanak menerusi penghasilan karya-karya berasaskan tema *al-sirah al-nabawiyyah*. Al-Nadwi menterjemahkan ideanya yang menekankan kepentingan *al-sirah al-nabawiyyah* untuk kanak-kanak menerusi karyanya *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak), *Sirah Khatim al-Nabiyyin* (Sejarah Hidup Penutup Sekalian Nabi) dan *Qasas min al-Tarikh al-Islami li al-Atfal* (Kisah daripada Sejarah Islam untuk Kanak-Kanak). Kandungan karya-karya ini yang kesemuanya memberi tumpuan terhadap *al-sirah al-nabawiyyah* menyerlahkan pandangan al-Nadwi yang menekankan keutamaan agar bahan bacaan kanak-kanak perlu bersumberkan *al-Adab al-Tabi'i* (Sastera Tulen) iaitu daripada al-Quran, hadis serta sejarah Islam. Pemilihan *al-sirah al-nabawiyyah* sebagai mauduk kandungan karya untuk kanak-kanak secara langsung menunjukkan pendirian al-Nadwi yang menolak unsur khurafat, sebaliknya mengutamakan nilai-nilai rabbani yang terdapat dalam kisah para nabi. Ini sekaligus dapat memberi panduan kepada kanak-kanak bahawa golongan para nabi perlu dijadikan suri teladan dalam kehidupan sesuai dengan pengiktirafan yang diberikan oleh Allah s.w.t. kepada mereka sebagai golongan soleh.

## RUJUKAN

al-Qur'an al-Karim.

‘Abd al-Basit Badr. (1421H). *Juhud Abi al-Hasan fi khidmah al-Adab al-Islami. Majallah al-Adab al-Islami*, 7(26-27), 38-42.

‘Abd al-Ghani Akuraydi ‘Abd al-Hamid. (2014). *Waqafat ma'a raka'iz adab al-atfal lada Abi al-Hasan al-Nadwi fi kitabih "Qasas min al-tarikh al-Islami li al-ataf"*. Dlm. Muhammad Tariq al-Ayyubi al-Nadwi. *Mawqif al-Shaykh Abi al-Hasan 'Ali al-Nadwi min al-afkar al-mua'sirah*. Lucknow: Matba' Nu'mani.

‘Abd al-Malik Buminjal. (2014). *Manhaj Abi al-Hasan al-Nadwi fi adab al-atfal*. Dlm. Muhammad Tariq al-Ayyubi al-Nadwi. *Mawqif al-Shaykh Abi al-Hasan 'Ali al-Nadwi min al-afkar al-mua'sirah*. Lucknow: Matba' Nu'mani.

‘Abd al-Quddus Abu Salih. (1421H). *al-Shaykh Abu al-Hasan al-Nadwi wa Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyyah. Majallah al-Adab al-Islami*, 7(26-27), 157-161.

Abdullah Basmeih. (2010). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-Qur'an*. Cet. ke-12. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Ahmad Fahmi Zamzam. (2000). *Abul Hasan Ali al-Hasani an-Nadwi: Sejarah hidup dan pemikirannya*. Kedah: Khazanah Banjariah.

al-Ashqar, ‘Umar Sulayman. (1995). *al-Rusul wa al-risalat*. Cet. ke-6. Amman: Dar al-Nafa’is li al-Nasr wa al-Tawzi’.

al-Basha, ‘Abd al-Rahman Ra’fat. (1998). *Nahw mazhab Islami fi al-adab wa al-naqd*. Kaherah: Dar al-Adab al-Islami li al-Nashr wa al-Tawzi’.

Bin ‘Isa Battahir. (1998). al-Adab al-Islami wa naqduh ‘ind al-Shaykh Abi al-Hasan ‘al-Nadwi. *Majallah Islamiyah al-Ma’rifah*, 12, 99-131.

al-Dihlawi, Anis al-Rahman. (2001). *Dirasah fi kitab qasas al-nabiyyin li al-Atfal*. Kertas kerja Nadwah Hawla Mu’allafat al-Shaykh Abi al-Hasan ‘Ali al-Hasani al-Nadwi. Universiti Delhi, 19-20 Mac.

al-Ghawri, Sayyid ‘Abd al-Majid. (2009). *al-‘Allamah Abu al-Hasan al-Nadwi: Ra’id al-adab al-Islami*. Beirut: Dar Ibn Kathir li al-Tiba’ah wa al-Nashr wa al-Tawzi’.

‘Imad al-Din Khalil. (1999). al-Shaykh Abu al-Hasan al-Nadwi wa al-sirah al-nabawiyyah. Dlm. Abu al-Hasan ‘Ali al-Hasani al-Nadwi. *al-Sirah al-Nabawiyyah*. Tahkik: Sayyid ‘Abd al-Majid al-Ghawri. Cet. ke-12. Lucknow: Matba‘ Nu‘mani.

Kifayatullah Hamdani. (2010). Adab al-atfal: Dirasah fanniyyah. *Majallah al-Qism al-Arabi*, 17, 147-172.

Maisarah Saidin & Latifah Abdul Majid. (2012). Pembentukan jati diri kanak-kanak melalui bahan bacaan bahasa Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 4(1), 77-102.

Mohamad Akram Nadwi. (2013). *Shaykh ‘Abu al-Hasan ‘Ali Nadwi: His life and works*. West Yorkshire: Nadwi Foundation.

Mohd Rumaizuddin Ghazali. (2016). *Biografi agung: Abu al-Hasan Ali al-Nadwi*. Shah Alam: Karya Bestari.

Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. (2020a). Sumbangan al-Nadwi terhadap perkembangan sastera Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(3), 111-130.

Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. (2020b). Tasawur sastera kanak-kanak Islami menurut perspektif al-Nadwi. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri*, 21(3), 37-59.

Muhammad ‘Abd al-Hadi. (2006). Adab al-atfal fi daw’ al-manhaj al-Islami. *Majallah al-Buhuth wa al-Dirasat*, 3, 87-100.

Muhammad Fathullah Kulon. (2005). *Min sifat al-anbiya’ wa makanatuha min sayyid al-asfiya’*. (Terj.) Urkhan Muhammad Ali. Kaherah: Dar al-Nil li al-Tiba’ah wa al-Nashr.

al-Nadwi, Abu al-Hasan ‘Ali al-Nadwi. (1985). *Sirah khatim al-nabiyyin*. Cet. 9. Beirut: Mu’assasah al-Risalah.

al-Nadwi, Abu al-Hasan ‘Ali al-Nadwi. (1997a). *Nazarat fi al-adab*. Cet. ke-2. Amman: Dar al-Bashir li al-Nashr wa al-Tawzi’.

al-Nadwi, Abu al-Hasan ‘Ali al-Nadwi. (1997b). *Qasas min al-tarikh al-Islami li al-atfal*. Amman: Dar al-Bashir li al-Nashr wa al-Tawzi’.

al-Nadwi, Abu al-Hasan ‘Ali. (1996). *Qasas al-nabiyyin li al-atfal*. Cet. 20. Beirut: Mu’assasah al-Risalah.

- Nasir Yusuf Jabir Shabanah. (2011). Adab al-atfal: dirasah fi al-mafhum. *Majallah Jami'ah Umm al-Qura li 'Ulum al-Lughat wa Adabiha*, 6, 13-42.
- Osman Khalid. (1999). *Kesusasteraan Arab zaman permulaan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rabih Khawiyah. (2019). Al-Adab al-Islami: Qira'ah fi al-mustalah wa al-mafhum. *Dirasat Adabiyyah*, 11(1), 87-118.
- Rohaida Mohamad Dhalan. (1998). *Pendekatan psikologi dalam pembentukan akhlak kanak-kanak Islam masa kini*. Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya.
- Sa'd Abu al-Rida. (1983). *Al-Adab al-Islami: Qadiyah wa al-bina'*. Jeddah: 'Alam al-Ma'rifah.
- al-Sadiq Muhammad Adam Sulayman. (2014). Manhaj al-Shaykh al-Nadwi fi kitabih "Adab al-sirah al-nabawiyyah li al-atfal". Dlm. Muhammad Tariq al-Ayyubi al-Nadwi. *Mawqif al-Shaykh Abi al-Hasan 'Ali al-Nadwi min al-afkar al-mua'sirah*. Lucknow: Matba' Nu'mani.
- al-Sallabi, 'Ali Muhammad. (2011). *Al-Iman bi al-rusul wa al-risalat*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Shamim Majid Khattak. (2012). Adab al-atfal fi a'mal Abi al-Hasan 'Ali al-Nadwi rahimahullah. *Al-Dirasat al-Islamiyyah - Pakistan*, 47(1), 183-204.
- al-Shanti, Muhammad Salih. (2005). *Fi al-adab al-'Arabi al-qadim: 'Asruh, wa ittijahatuh, wa tatawwuruh, wa namazij madrusah minh*. Jil. 1. al-Tab'ah al-rabi'ah. Ha'il: Dar al-Andalus li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Shaykh Muhammad. (2015). Adab al-atfal: Ahdafuh wa ab'aduh. *Majallah al-'Asimah*, 7, 169-171.
- Sulayman Qurari. (2013). Adab al-atfal wa dawruh fi bina' al-shakhsiyah al-mutakamilah. *Majallah al-Haqiqah li al-'Ulum al-Insaniyyah wa al-Ijtima'iyyah*, 12(1), 240-272.
- Syed Muhammad Rabey Hasani Nadwi. (2014). *Syed Abul Hasan 'Ali Nadwi: An eminent scholar, thinker and reformer*. (Terj.) Mohammed Moidul Haque. New Delhi: D.K. Printworld (P) Ltd.
- al-Washmi, 'Abdullah bin Salih bin Sulayman. (2005). *Juhud Abi al-Hasan al-Nadwi al-naqdiyah fi al-adab al-Islami*. Riyadh: Maktabah al-Rushd Nashirun.
- al-Ya'qubi, 'Ali Yusuf. (2011). Mustalah al-Adab al-Islami fi al-naqd al-hadith bayn al-qabul wa al-rafd. *Majallah al-Jami'ah al-Islamiyyah (Silsilah al-Dirasat al-Insaniyyah)*, 19(2), 1173-1206.
- Zulkifli Mohamad. (2015). *Maulana Syeikh Abu al-Hasan Ali al-Nadwi: Da'i, muslih, alim dan rabbani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.